



Terbit pada Sabtu
minggu pertama setiap bulan

Berita Sawit

MPOB Menjana Perubahan Industri Sawit

BH
Berita Harian

Sawit tingkat ekonomi luar bandar

» *Pekebun kecil turut nikmati hasil program transformasi kerajaan*

Oleh Poliana Ronnie Sidom
poliana@mediaprima.com.my
Tongod (Sandakan):

Industri sawit terus menjadi salah satu penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negara, khasnya dalam memajukan sektor ekonomi luar bandar.

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) sentiasa mencari langkah meningkatkan produktiviti sawit menerusi penambahbaikan ke atas sektor itu.

Menterinya, Tan Sri Bernard Dompok, berkata usaha itu selaras program transformasi kerajaan yang mahu rakyat termasuk pekebun kecil menikmati hasil daripada pelbagai inisiatif dilaksanakan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

Di Sabah, katanya, kerajaan komited membantu mempertingkatkan produktiviti sawit berikutan 30 peratus daripada keluasan tanaman itu terletak di



Tan Sri Bernard Dompok ketika berucap merasmikan **Majlis Penerangan Amalan Pertanian Baik Pekebun Kecil**.

negeri ini atau 1.44 juta hektar daripada lima juta hektar tanaman di seluruh negara.

“Oleh sebab itu, Kementerian menerusi MPOB mencari langkah bagaimana membantu rakyat bukan saja menerusi taklimat mengenai teknologi dan amalan pertanian baik, tetapi dari segi pengurusan dengan menubuhkan koperasi.

Bangunkan ekonomi

“Usaha MPOB bersama rakyat ini akan dapat mempertingkatkan produktiviti sawit seterusnya menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara,” katanya

ketika merasmikan Majlis Penerangan Amalan Pertanian Baik Pekebun Kecil di Dewan Simpang Entilikon, di sini, baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dan Setiausaha Bahagian Industri Sawit dan Sagu MPIC, Aknan Ehtook.

Seramai 30 pekebun kecil menerima bantuan peralatan pertanian menerusi Skim Bantuan Tanam Baharu dan Skim Bantuan Tanam Semula Sawit.

Sementara itu, Choo Yuen May berkata, pihaknya menambah bilangan pegawai TUNAS dan membuka pejabat baru seluruh

“Usaha MPOB bersama rakyat ini akan dapat mempertingkatkan produktiviti sawit seterusnya menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara”

Tan Sri Bernard Dompok
Menteri Perusahaan
Perladangan dan Komoditi

negara bagi menyediakan perkhidmatan lebih cekap kepada pekebun kecil, sejajar usaha meningkatkan produktiviti hasil buah sawit sektor pekebun kecil.

Sedia khidmat nasihat

Selain itu, katanya, MPOB sudah mengisi 48 jawatan Pegawai TUNAS di negeri ini daripada 240 jawatan seluruh negara yang bertanggungjawab menyediakan khidmat nasihat mengenai penanaman sawit, pemindahan teknologi baru dan menyalurkan bantuan kerajaan.

“Usaha memperkasa pekebun kecil turut membabitkan penyatuan pekebun kecil setempat menerusi penubuhan Koperasi Penanam Sawit Mampan dengan di

Sabah, ada enam koperasi iaitu di Tongod, Kunak, Kinabatangan, Tawau, Beluran dan Kinabatangan membabitkan 3,265 pekebun kecil dengan keluasan tanaman 79,687 hektar,” katanya.

Pekebun kecil, Wahab Katan, 50, dari Kampung Kuala Keramuak dekat sini, menghargai usaha kerajaan menyediakan bantuan khususnya kepada pekebun kecil.

Katanya, beliau menerima bantuan berterusan daripada MPOB sejak mengusahakan kebun sawit dua tahun lalu merangkumi benih, kos pembukaan tanah, racun serangga serta peralatan pertanian.

“Saya tidak nafikan kerajaan banyak menyediakan bantuan yang diperlukan pekebun kecil terutama di luar bandar. Justeru, saya sangat bersyukur kerana ia mampu mengurangkan beban kami sekeluarga,” katanya.

Joslin Kumpilon, 35, dari Kampung Linayukan, dekat sini menyifatkan sumbangan MPOB membantu pekebun kecil yang bergantung sepenuhnya terhadap pendapatan hasil pertanian mampu menaik taraf kehidupan mereka.

“Bantuan ini membolehkan kami memastikan penyelenggaraan kebun secara berterusan. Pada masa sama, pelbagai khidmat lain disediakan yang membantu kami meningkatkan hasil pertanian,” katanya.

RM153.3j untuk tanam semula

Oleh Mohd Saufi Awang
saufti@mpob.gov.my

Sejajar peningkatan kawasan tanaman sawit di negeri Sabah termasuk diusahakan pekebun kecil, MPOB membuka satu lagi pejabat TUNAS di Beaufort yang menyediakan perkhidmatan kepada pekebun kecil sekitarnya termasuk kawasan Sipitang, Kuala Penyu dan Membakut.

Pejabat MPOB juga ditubuhkan di Kota Kinabalu, Tawau, Sandakan, Lahad Datu, Beluran, Kenigau, Kota Marudu dan Telupid.

Pegawai Tunas MPOB yang ditempatkan di seluruh negara ber-

peranan memberi khidmat nasihat dan pemindahan teknologi baharu penanaman sawit kepada pekebun kecil, nasihat skim bantuan kepada pekebun kecil yang menanam semula sawit dan mengusahakan tanaman baharu sawit serta penubuhan Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM).

Bagi meningkatkan kesedaran dan penyertaan pekebun kecil dalam amalan pertanian baik dan pengeluaran minyak sawit mampan, bilangan Pegawai Tunas MPOB juga ditingkatkan kepada

240 orang yang ditempatkan di kawasan tumpuan pekebun kecil di seluruh negara. Seramai 46 pegawai Tunas ditempatkan di



Tan Sri Bernard Dompok beramah mesra dengan pekebun kecil sawit.

negeri Sabah.

Di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP), kerajaan mengenalpasti industri sawit sebagai satu sektor ekonomi utama bagi menjana pertumbuhan ekonomi negara ke arah mencapai status negara berpendapatan

tinggi pada tahun 2020. Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) dan MPOB bertanggungjawab melaksanakan projek permulaan di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) sawit.

Pelaksanaan NKEA sektor sa-

wit di sektor hulu bagi EPP1: mempercepatkan penanaman semula dan penanaman baharu kelapa sawit, dan EPP2: meningkatkan hasil Buah Tandan Segar (BTS) membabitkan bantuan kepada pekebun kecil. Kerajaan

Sabah dan Sarawak muncul sebagai negeri-negeri yang terbesar negara bagi tanaman sawit. Keluasan tanaman sawit di kedua negeri ini berjumlah 2.52 juta hektar dan menyumbang hampir separuh daripada 5.08 juta hektar keluasan tanaman sawit Malaysia, iaitu 28.4 peratus bagi Sabah dan 21.2 peratus bagi Sarawak. Di samping itu, Sarawak menunjukkan kadar pertumbuhan tahunan penanaman sawit yang tertinggi iaitu 9.7 peratus setahun bagi lima tahun kebelakangan ini, manakala Sabah mencatat 2.0 peratus bagi tempoh masa sama. Penanaman sawit di Sabah secara besar-besaran bermula dari akhir tahun 1980-an dan kini lebih kurang 12 peratus daripada tanaman sawit di Sabah sedia untuk ditanam semula.

Bagi suku tahun pertama 2013, Sabah dan Sarawak masing-masing menyumbang kepada 26.6 peratus dan 13.1 peratus daripada 6.54 juta tan eksport produk sawit Malaysia. Dari segi nilai pendapatan eksport pula sebanyak 24.7 peratus dan 11.9 peratus daripada RM15.21 bilion diperoleh kedua-dua negeri bagi tempoh sama. Sumbangan pendapatan yang lebih rendah berbanding kuantiti eksport ini disebabkan kekurangan industri hiliran yang bernilai tambah tinggi seperti oleokimia dan biodiesel di negeri Sabah dan Sarawak berbanding Semenanjung Malaysia yang menyumbang kepada 60.3 peratus daripada kuantiti eksport dan 63.4 peratus daripada pendapatan eksport.

Menyedari keperluan pembangunan industri yang bersepadu bagi menggalakkan pertumbuhan industri bernilai tambah tinggi terutama di Sabah dan Sarawak, kerajaan mengenal pasti pembangunan Palm Oil Industrial Cluster (POIC) di Lahad Datu, Sandakan, Bintulu dan Tanjung Manis sebagai antara strategi di bawah Pelan Induk Perindustrian ke-3 (IMP3). Sejumlah RM1.29 bilion diperuntukkan bagi menyediakan infrastruktur lengkap di kawasan POIC. Sehingga kini kemudahan untuk 15 syarikat siap dibina dan sembilan syarikat sudah beroperasi di POIC Lahad Datu.

Bagi memastikan industri sawit terus membangun, kerajaan juga menyediakan pelbagai geran dan insentif, sejumlah besar disalurkan ke kedua-dua negeri ini. Antaranya adalah Skim Insentif Tanam Semula (SITS) yang bermula November 2008 dan berakhir Disember 2010. Sebanyak RM200 juta diperuntukkan melalui pemberian insentif sebanyak RM1,000 sehektar kepada estet dan pekebun kecil yang menanam semula pokok sawit mereka yang berumur 25 tahun dan ke atas. Sebanyak RM23.3 juta dibayar bagi 23,311 hektar tanaman sawit milik estet dan juga pekebun kecil persendirian di Sabah manakala di Sarawak RM8.7 juta dibayar kepada penanam sawit dengan jumlah keluasan 8,764 hektar yang mana masing-masing memohon dan layak untuk skim SITS ini.

Di samping itu, di bawah Projek Permulaan 1 (EPP1) Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) bagi sawit, sejumlah RM902 juta diperuntukkan bagi tahun 2011 hingga 2013 untuk mempercepat penanaman baru dan penanaman semula kesemua pokok sawit yang berhasil rendah dan berumur lebih 25 tahun bagi meningkatkan hasil purata buah tandan segar (BTS) kepada 26 tan sehektar setahun menjelang 2020. Pembayaran sebanyak RM9,000 sehektar dibuat kepada penanam yang menanam semula dan tanam baru sawit. Pembayaran bulanan sebanyak RM500 selama dua tahun dibuat kepada setiap pekebun kecil persendirian yang memegang 2.5 hektar tanaman sawit atau kurang. Sehingga akhir April 2013, RM505.0 juta diguna pakai bagi EPP1 di Sabah dan RM268.6 juta di Sarawak. Seramai 4,431 pekebun kecil di Sabah dan 12,019 pekebun kecil di Sarawak menikmati manfaat daripada projek usaha kerajaan ini.

Selain itu, MPOB juga memainkan peranan penting dalam membangunkan industri sawit di Malaysia dengan memberi khidmat nasihat kepada pekebun kecil persendirian melalui 19 Pejabat TUNAS MPOB, iaitu sembilan di Sabah dan sepuluh di Sarawak. Dengan usaha dimainkan Pegawai TUNAS daripada pejabat TUNAS MPOB, seramai 134 pekebun kecil di Sabah dan 37 di Sarawak berjaya memasuki Ahli Kelab 30 Tan MPOB apabila mencapai pengeluaran hasil BTS sebanyak 30 tan sehektar setahun atau lebih.

Pegawai TUNAS juga memainkan peranan mengumpulkan pekebun kecil persendirian yang berhampiran dengan kilang buah untuk dikelompokkan dan dijadikan ahli kepada pertubuhan koperasi. Usaha ini adalah bertujuan agar mereka dapat mengurangkan ketergantungan kepada orang tengah untuk menghantar/menjual BTS kepada kilang buah. Pada masa sama usaha ini dapat membantu/melatih pekebun kecil membuat perundingan kontrak jangka panjang dengan pihak kilang. Sehingga April 2013, sebanyak enam koperasi telah ditubuhkan di Sabah dan lima koperasi di Sarawak.

Semoga usaha kerajaan ini dapat memajukan lagi industri sawit negara di samping menghadapi saingan yang semakin mencabar terutamanya di Sabah dan Sarawak dan pada masa sama membantu rakyat Malaysia menikmati kesejahteraan hidup secara amnya.



MINDA
Datuk Dr Choo
Yuen May
Ketua Pengarah
MPOB

Hello Komoditi tingkat pengetahuan masyarakat

» Pendekatan MPIC bertemu masyarakat, perjas kemudahan

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad
watie@mopb.gov.my

Program Hello Komoditi anjuran Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) adalah pendekatan untuk bertemu masyarakat bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai kepentingan tanaman komoditi utama negara dan produk-produk berasaskan komoditi.

Program yang dianjurkan bersama agensi di bawah MPIC iaitu Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Lembaga Getah Malaysia (LGM), Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Lembaga Koko Malaysia (LKM), Lembaga Lada Malaysia (LLM) dan Lembaga Kenaf dan Tembaku Negara (LKTN).

Sejak dilaksanakan pada tahun 2011, Hello Komoditi telah diadakan di beberapa lokasi di seluruh negara seperti di Sibu, Jerantut, Kuala Pilah, Tawau dan Kuala Selangor. Penganjuran Program Hello Komoditi telah



Tan Sri Bernard Dompok melawat pameran MPOB sempena program Hello Komoditi sambil diberi penerangan oleh Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

lah diperluaskan meliputi kawasan Penampang, Tamparuli, Sipitang, Putatan di Sabah, serta Bagan Serai dan Selama di Perak dan Kota Tinggi di Johor. Terbaru, Hello Komoditi diadakan di Tambunan, Sabah; dan Pagoh, Johor.

MPIC bertanggungjawab terhadap pembangunan industri komoditi utama negara iaitu minyak sawit, getah, kayu-kayan, koko, tembakau, kenaf dan lada hitam. Melalui program Hello Komoditi, kementerian dan agensi di bawahnya dapat menerangkan kepada masyarakat mengenai peranan serta kemudahan yang disediakan oleh MPIC dan agensi di bawahnya.

Tarik minat belia
Program Hello Komoditi telah

berjaya memupuk dan menarik minat masyarakat terutama golongan belia untuk mendalami peluang pekerjaan di sektor perladangan dan sektor berkaitan.

Penyertaan Hello Komoditi terbuka kepada semua lapisan masyarakat dengan tumpuan kepada pekebun kecil untuk memanfaatkan aktiviti yang dianjurkan semasa program ini berlangsung.

Ia juga menyediakan maklumat untuk meningkatkan pendedahan dan kesedaran kepada pekebun kecil mengenai kewujudan kemudahan, insentif, skim bantuan dan galakan yang disediakan oleh agensi-agensinya di bawah MPIC bagi membantu meningkatkan hasil pengeluaran dan pendapatan pekebun kecil.

Pekebun kecil dibantu

• Dari muka 1

memperuntukkan RM902 juta di bawah Skim Tanam Semula Sawit Pekebun kecil dan Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil.

Pelaksanaan skim ini bertujuan menggalakkan pekebun kecil menanam semula pokok sawit tua yang tertangguh kerana harga sawit yang tinggi di pasaran dan untuk meningkatkan produktiviti hasil BTS dan pendapatan pekebun kecil.

Jawatankuasa Pemandu NKEA Sawit yang dipengerusikan bersama Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Idris Jala, meluluskan peruntukan sebanyak RM614.8 juta membabitkan sebanyak 29,069 permohonan dengan keluasan mencecah 72,787 hektar kepada pekebun kecil yang mengusahakan tanaman baharu dan ta-

nam semula sawit di seluruh negara.

Bagi negeri Sabah yang juga negeri dengan kawasan tanaman sawit terbesar iaitu 1.3 juta hektar, sebanyak RM153.3 juta diluluskan untuk penanaman semula dan tanaman baharu sawit sektor pekebun kecil.

Ini membabitkan keluasan 17,000 hektar tanaman sawit dan 4,325 pekebun kecil. Terdapat 27,357 pekebun kecil di negeri Sabah yang mengusahakan 185,017 hektar tanaman sawit.

Di bawah NKEA sawit, kerajaan menyediakan bantuan sebanyak RM9,000 sehektar kepada pekebun kecil yang menanam semula dan mengusahakan tanaman baharu. Bantuan ini meliputi kos penyediaan tapak seperti menebang dan meracik pokok tua, membaris, teres, parit dan termasuk kos membeli anak benih, baja dan racun rumpai dan serangga perosak.

Bagi membantu pekebun kecil sepenuh masa yang bergantung pendapatan kepada tanaman sawit dan mengusahakan kebun tidak lebih dari 2.5 hektar, kerajaan menyediakan Bantuan Penyelenggaraan Kebun (BPK) sebanyak RM500 sebulan yang diberikan selama dua tahun bagi yang memenuhi kelayakan.

Untuk memastikan pengeluaran hasil sawit sektor pekebun kecil yang tinggi dan pencapaian matlamat peningkatan hasil Buah Tandan Segar (BTS) sebanyak 26 tan sehektar setahun pada tahun 2020, kerajaan melalui MPOB juga memberi penekanan kepada usaha-usaha menggalakkan amalan pertanian baik dan aplikasi teknologi baru penanaman sawit kepada pekebun kecil.

Bagi meningkatkan pembalitan pekebun kecil dalam amalan pertanian baik dan pengeluaran mampan, kerajaan menyediakan bantuan melalui penubuhan KPSM. Sehingga Mac 2013, sebanyak 23 KPSM telah ditubuhkan termasuk enam di Sabah.

NKEA sawit sasar tingkat pendapatan

» *Industri jadi pemangkin pertumbuhan ekonomi negara*

Oleh Mohd Saufi Awang
saufi@mpob.gov.my

Industri sawit menjadi pemangkin pertumbuhan sosio ekonomi negara khususnya dalam pembasmian kemiskinan dan penyediaan peluang pekerjaan kepada lebih 610,000 orang termasuk 177,000 pekebun kecil, kata Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok.

Beliau berkata demikian dalam perutusan Laporan Tahunan Program Transformasi Ekonomi 2012.

Industri sawit dikenal pasti sebagai salah satu bidang di bawah Program Transformasi Ekonomi Negara (ETP) melalui Bidang Ekonomi Utama Negara atau 'National Key Economic Area (NKEA)' untuk menjadikan Malaysia negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

"Program transformasi industri sawit memberi keutamaan kepada pembangunan ekonomi masa hadapan dengan tumpuan kepada penyelidikan dan pembangunan (R&D), infrastruktur, kemampan dan lain-lain keperluan seiring pembangunan industri sawit negara," katanya.

Katanya, walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran termasuk pasaran yang tidak menentu pada tahun 2012, inisiatif tanaman baharu dan tanaman semula menunjukkan prestasi yang baik, di mana seluas 113,000 hektar dibangunkan dengan tanaman sawit. Langkah ini juga membantu mengurus stok minyak sawit negara seiring pertumbuhan ekonomi semasa di Asia dan Eropah.

"Penstrukturan semula duti eksport produk sawit di Indonesia juga memberi kesan terhadap sektor hiliran sawit negara di samping meningkatkan stok minyak sawit ke paras yang lebih tinggi sekali gus memberi kesan ke atas harga minyak sawit mentah," katanya.

Menurutnya, kerajaan berusaha menangani kejatuhan harga minyak sawit mentah dengan mengambil langkah untuk meningkatkan daya saing industri sawit. Bermula 1 Januari 2013, kuota eksport minyak sawit mentah tanpa duti dihentikan dan struktur duti eksport minyak sawit mentah dikaji semula dengan pelaksanaan struktur duti eks-

port minyak sawit mentah yang baharu. Langkah ini dapat membantu sektor hiliran sawit khususnya oleokimia untuk menjadi lebih kompetitif di pasaran antarabangsa.

NKEA minyak sawit dan getah menekankan komoditi pertanian utama negara berdaya saing dan berada dalam keadaan terbaik pada masa depan. Malaysia akan berada di barisan hadapan dalam memenuhi peningkatan permintaan untuk komoditi utama ini dalam keadaan di mana penduduk global semakin bertambah dan kemakmuran yang bertambah di negara-negara membaharu akan meningkatkan kuasa beli penduduknya.

Menurutnya, lapan Projek Permulaan (EPP) dikenal pasti di bawah NKEA minyak sawit untuk memacu pertumbuhan sektor ini dan untuk memainkan peranannya sebagai elemen utama ekonomi negara.

NKEA minyak sawit dibahagikan kepada dua teras strategik. Teras pertama bertujuan memastikan kemampan dan membantu meningkatkan hasil buah tandan segar (BTS) menjelang tahun 2020.

Lima EPP yang dilaksanakan di bawah teras sektor hulu:

EPP1: Mempercepatkan penanaman semula dan penanaman baharu sawit;

EPP2: Meningkatkan hasil buah tandan segar (BTS)

EPP3: Meningkatkan produktiviti pekerja

EPP4: Meningkatkan kadar perahan minyak

EPP5: Membangunkan kemudahan biogas di kilang minyak sawit

EPP1: Mempercepatkan Penanaman Semula dan Penanaman Baharu Sawit

Kenaikan harga minyak sawit pada tahun 2008 dan 2011 mendorong pekebun kecil dan syarikat perladangan menanggung usaha penanaman semula agar dapat meraih keuntungan daripada harga yang tinggi. Ini menyebabkan sejumlah besar pokok sawit tua dibiarkan tanpa ditanam semula.

Pelaksanaan EPP1 bertujuan mempercepatkan usaha penanaman semula yang berterusan oleh syarikat perladangan dan pekebun kecil untuk menggantikan kira-kira 449,415 hektar dengan anak benih sawit yang berhasi tinggi.

Penanaman semula pokok sawit tua dengan bahan tanaman yang lebih baik bagi memastikan kestabilan bekalan tanaman dengan tahap hasil purata yang lebih tinggi sebanyak 26.2 tan/hektar/tahun menjelang tahun 2020.

Selain itu, ia adalah bagi memastikan bekalan domestik mencukupi untuk memacu pertumbuhan masa depan sektor hiliran. Usaha di bawah EPP ini dijangka menjana RM4.6 bilion.

Pada tahun 2012, aktiviti penanaman semula dan penanaman baharu telah dijalankan di 113,000 hektar tanah sawit di seluruh negara.

Sebagai langkah mempercepatkan program penanaman semula sawit dan pengurusan stok minyak sawit negara, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM432 juta sebagai dana untuk inisiatif penanaman semula dan penanaman baharu oleh pekebun kecil.

Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM9,000 sehektar bagi pekebun kecil di Sabah dan Sarawak dan RM7,500 sehektar bagi pekebun kecil di Semenanjung Malaysia.

Selain itu, bantuan penyelenggaraan kebun sebanyak RM500 sebulan selama dua tahun sebagai elaun sara hidup turut diberikan kepada pekebun kecil yang layak di bawah program penanaman semula.

EPP2: Meningkatkan Hasil Buah Tandan Segar (BTS)

Meningkatkan hasil BTS negara daripada 18.89 tan/hektar/tahun kepada 26 tan/hektar/tahun menjelang tahun 2020.

Kurangnya pendedahan kepada amalan pertanian baik dan skala ekonomi yang rendah di kalangan pekebun kecil menyebabkan hasil BTS yang rendah dan hasil tuaian yang kurang berbanding pekebun kecil terancang dan syarikat perladangan.

Langkah dilaksanakan termasuk menubuhkan koperasi penanam sawit di seluruh negara bertujuan membimbing dan meningkatkan kesedaran mengenai teknologi baru dan amalan pertanian baik bagi meningkatkan produktiviti sawit. Ini selaras dengan prinsip kemampan pengeluaran minyak sawit.



Datuk Hamzah Zainudin menyampaikan **Sijil Amalan Pertanian Baik kepada pekebun kecil sawit**. Turut kelihatan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.



Tan Sri Bernard Dompok **menyampaikan kupon Bantuan Tanam Baru Sawit** kepada pekebun kecil. Turut serta ialah Ketua Pengarah, Datuk Dr Choo Yuen May.

Kepentingan aplikasi amalan pertanian baik menjadi penyumbang utama kepada hasil BTS yang lebih tinggi. Bagi tahun 2012, dianggarkan seluas 175,808 hektar tanaman sawit baru mematuhi prinsip pematuhan sebagai antara prinsip amalan pertanian baik dengan mengatasi sasaran awal iaitu seluas 150,000 hektar.

EPP ini berjaya menubuhkan sebanyak 23 koperasi pekebun kecil dengan penambahan sebanyak lapan koperasi bagi tahun 2012.

Penubuhan koperasi ini dianggarkan mewakili 43,000 pekebun kecil yang meliputi 172,000 hektar kawasan tanaman sawit. Usaha penubuhan koperasi ini secara tidak langsung akan membolehkan pekebun kecil meningkatkan skala dan kecekapan tuaian hasil BTS.

Langkah seterusnya untuk meningkatkan hasil minyak sawit negara menerusi amalan pertanian baik, EPP mensasarkan meningkatkan kawasan yang mematuhi amalan pertanian baik kepada 200,000 hektar pada tahun 2013. Ia akan dapat dilaksanakan melalui penubuhan tujuh lagi koperasi yang telah dirancang pada tahun 2013 seterusnya menjadikan kawasan keseluruhan adalah sebanyak 30 koperasi di seluruh negara.

EPP3: Meningkatkan Produktiviti Pekerja

Sawit adalah industri yang berintensifkan tenaga buruh. Kekurangan tenaga kerja yang disebabkan faktor migrasi pekerja asing dan peraturan buruh asing yang semakin ketat menyumbang

antara lain kepada kekurangan tenaga buruh hingga menyebabkan penuaian BTS yang tidak efektif dan mengurangkan pengeluaran minyak sawit mentah.

Selaras aspirasi kerajaan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh asing, EPP3 mensasarkan untuk memperkenalkan teknik baru kepada pekebun kecil dan syarikat perladangan bagi membantu meningkatkan produktiviti.

Mesin Penuai Bermotor (CANTAS) digunakan untuk menuai buah sawit manakala Diamond Sharpening Tool berfungsi melengkapkan penggunaan CANTAS yang membolehkan penuai mengasah sabit bagi penuaian buah sawit dengan lebih cepat dan efektif.

Daripada 1,500 unit CANTAS disasarkan, sebanyak 1,527 unit digunakan syarikat perladangan dan pekebun kecil dengan tambahan 4,683 unit Diamond Sharpening Tool.

Bagi meningkatkan keyakinan dan penyertaan syarikat perladangan dan pekebun kecil dalam penggunaan CANTAS, 1,098 unit CANTAS diberikan sebagai sebahagian daripada inisiatif penuaian yang bertujuan mengurangkan pergantungan kepada tenaga buruh dan meningkatkan produktiviti. Tumpuan akan ditingkatkan untuk meningkatkan produktiviti penuaian BTS dengan sasaran pembelian 1,500 unit CANTAS oleh syarikat perladangan dan pekebun kecil.

Minyak sawit juga adalah salah satu komoditi utama dari segi potensi untuk menambah nilai melalui kepelbagaian pemprosesan hiliran yang dapat menjana aktiviti ekonomi dan peluang pekerjaan kepada penduduk.

Teras strategi kedua bertujuan memaksimumkan integrasi di sepanjang rantaian nilai dengan matlamat untuk membangunkan industri bernilai tinggi dan bukan hanya setakat pengeluaran dan penapisan minyak sawit mentah.

Tiga EPP di bawah matlamat ini ialah EPP6: membangunkan bahan berbitan oleo dan bahan kimia berasaskan bio bernilai tinggi; EPP7: pengkomersilan bio bahan api generasi ke dua; dan EPP8: mempercepatkan pertumbuhan produk makanan dan kesihatan segmen hiliran.

SITS berjaya tangani kejatuhan harga minyak sawit

Skim Insentif Tanam Semula Sawit (SITS) diperkenalkan pada Mac 2001 sehingga Jun 2002 yang bertujuan memberi insentif kepada penanam sawit yang menebang pokok sawit tua berusia melebihi 25 tahun. Ini bagi mengurangkan hasil pengeluaran buah tandan segar untuk menangani kejatuhan harga minyak sawit di pasaran pada ketika itu.

Pada masa itu, dana disediakan berjumlah RM200 juta bagi sektor estet dan pekebun kecil sawit untuk menebang kawasan tanaman sawit seluas 200,000 hektar.

Sehingga berakhir tempoh SITS pada Jun 2002, sejumlah 172,188.45 hektar telah ditebang dan RM172,188,450 telah dibayar dengan kadar sebanyak RM1,000/hektar. Keluasan tanaman semula bagi rancangan FELDA yang terbabit berjumlah 56,967 hektar.

Skim ini telah memberi impak di mana berlaku pengurangan stok sebanyak 203,135 tan (14.34%) pada tahun 2001 dan terus berkurangan sebanyak 77,127 tan (6.36%) pada tahun 2002.

Pengurangan stok ini mempengaruhi kenaikan harga minyak sawit yang mana harga telah melonjak daripada purata RM894.50 dalam tahun 2001 kepada RM1,363.50 satu tan pada tahun 2002.

Memandangkan terdapat rayuan dari pekebun kecil terutama dari peneroka FELDA, maka Kerajaan telah bersetuju melanjutkan SITS dari 1hb Mei 2003 sehingga 30hb April 2004. Skim ini hanya layak kepada pekebun kecil individu dan peneroka dari skim kerajaan seperti FELDA, FELCRA, RISDA dan Agensi Kerajaan Negeri.

Disebabkan ramai yang memohon, kadar insentif yang dibayar ialah sebanyak RM500 sehektar. Sehingga berakhir tempoh SITS pada April 2004 sejumlah 46,828.26 hektar telah ditebang membatik bayaran sebanyak RM23,414,130. Keluasan tanam semula bagi rancangan FELDA yang terbabit berjumlah 43,331 hektar.

Ini bermakna, mulai Julai 2002 hingga April 2003 dan mulai Mei 2004 sehingga November 2008, tiada program SITS dilaksanakan.

Ketika industri sawit mengalami penurunan harga minyak sawit di pasaran pada akhir tahun 2008, Kerajaan telah bersetuju mewujudkan kembali SITS sebagai mekanisme untuk menangani kejatuhan harga minyak sawit dengan peruntukkan sebanyak RM200 juta.

SITS 2008 ini berkuatkuasa mulai 1 Disember 2008 sehingga 31 Disember 2010 dengan kadar RM1,000 sehektar bagi setiap keluasan tanaman sawit yang ditebang dan ditanam semula.

Sehingga akhir tempoh SITS pada Disember 2010, sejumlah 162,434 hektar telah ditebang dan RM162,434,675 telah pun dibayar.

Rayuan Program SITS

Sewaktu tempoh pelaksanaan SITS 2008 (Disember 2008-Disember 2010), MPOB menerima banyak rayuan daripada peneroka FELDA khususnya mereka yang menebang dan menanam sawit pada tahun-tahun yang tiada peruntukan SITS iaitu dari Mei 2004 hingga Disember 2005 dan Januari 2006 hingga November 2008.

SPOC tingkat produktiviti

» Program pastikan pekebun keluar minyak sawit secara mampan

Oleh Nazirah Che Jaafar dan Idris Omar

nazirah@mpob.gov.my
idriso@mpob.gov.my

Penubuhan Kelompok Minyak Sawit Mampan atau Sustainable Palm Oil Cluster (SPOC) telah dilancarkan oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok pada 30 November 2009. Program ini bertujuan memastikan pekebun kecil sawit persendirian mengeluarkan minyak sawit secara mampan di samping meningkatkan produktiviti dan kualiti buah tandan segar (BTS) dalam jangka panjang.

Pengeluaran minyak sawit mampan bertujuan menjaga kelestarian manusia, alam sekitar dan keuntungan perusahaan (*people, planet and profit*).

Bagi memastikan pencapaian matlamat tersebut, dua projek utama dalam SPOC yang diberi tumpuan iaitu Pensijilan Amalan Pertanian Baik MPOB (MPOB GAP) dan penubuhan Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM).

Pensijilan Amalan Pertani-



Tan Sri Shahrir Abdul Samad menyerahkan replika Kad Keahlian Koperasi Penanam Sawit Mampan kepada wakil pekebun kecil.

an Baik MPOB (GAP) adalah pensijilan awal kepada pekebun kecil persendirian sebelum mereka melangkah ke pensijilan seterusnya iaitu pensijilan MPOB Code of Practice (MPOB CoP) dan pensijilan Roundtable Sustainable Palm Oil (RSPO).

Amalan asas pengurusan sawit

Pensijilan ini bertujuan memastikan pekebun kecil mengamalkan amalan asas dalam pengurusan sawit seperti pengurusan kawasan, sistem tanaman, penuaian, pemangkasan, pengredan dan penyimpanan rekod.

Pensijilan MPOB GAP ini dilaksanakan secara individu ke-

pada pekebun-pekebun kecil sawit. Pekebun kecil yang mematuhi MPOB GAP akan dikelompokkan di bawah koperasi dan usaha seterusnya dilakukan supaya kelompok tersebut dapat mematuhi pensijilan MPOB CoP dan seterusnya RSPO.

Sehingga 30 April 2013, seluas 10,041.46 hektar kebun milik pekebun kecil telah dilawati untuk proses pensijilan MPOB GAP, dan seluas 5,126.41 hektar kebun telah berjaya menerima sijil MPOB GAP.

SPOC Telupid di Sabah adalah yang pertama berjaya menerima sijil MPOB CoP dengan bilangan ahli seramai 88 orang dan merangkumi keluasan 454.82 hektar, manakala SPOC

Telupid sedang dalam proses ke arah pensijilan RSPO.

Penubuhan KPSM adalah langkah strategik untuk meningkatkan pendapatan hasil jualan BTS pekebun kecil hasil peningkatan produktiviti dan kualiti BTS yang dihasilkan melalui amalan pertanian baik. Melalui KPSM, pekebun kecil dapat bersatu bagi menjamin kebajikan mereka dalam perusahaan sawit.

Melalui penubuhan KPSM, aktiviti pengurusan kebun dilaksanakan dengan sempurna bagi peningkatan produktiviti pengeluaran BTS dan pendapatan pekebun kecil secara teratur melalui jalinan kerjasama secara terus dengan pengilang buah sawit.

Sehingga 30 April 2013, sebanyak 23 KPSM telah ditubuhkan di seluruh negara meliputi Sabah, Sarawak, Johor, Melaka, Pahang, Perak, Selangor dan Terengganu membatik kawasan tanaman sawit seluas 170,229 hektar. Pada tahun 2013, sebanyak tujuh KPSM disasarkan akan ditubuhkan.

KPSM Tongod, Sabah dan KPSM Saratok, Sarawak adalah antara KPSM yang pertama menjadi perintis memulakan aktiviti pemasaran BTS secara berkelompok yang diusahakan oleh pekebun kecil dan dihantar terus kepada kilang sawit.

Langkah ini telah memberi penawaran harga yang lebih tinggi kepada pekebun kecil dan menyumbang kepada peningkatan pendapatan pekebun kecil.

Kerajaan sedia skim Diskaun CANTAS

Kerajaan sentiasa meletakkan kepentingan rakyat dalam setiap dasar pembangunan yang dirangka termasuk menyediakan pelbagai insentif dan bantuan kepada pekebun kecil sawit untuk bersama-sama meningkatkan taraf hidup dan pada masa sama melonjakkan pengeluaran hasil sawit negara di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA).

Insentif dan bantuan yang diberi adalah pengiktirafan Kerajaan terhadap pekebun kecil sawit yang turut memberikan sumbangan kepada pembangunan ekonomi negara.

Antara projek di bawah program NKEA sawit adalah meningkatkan produktiviti pekerja melalui amalan mekanisasi yang bertujuan memajukan prestasi sektor hulu dan peningkatan pendapatan serta taraf hidup

penanam sawit.

Kerajaan menyedari bahawa untuk meningkatkan produktiviti kerja dan pengeluaran hasil sawit, penghasilan jentera pertanian seperti pemotong sawit bermotor atau dikenali CANTAS akan memudahkan pengurusan dan penyelenggaraan ladang.

Penggunaan mesin CANTAS yang dihasilkan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) berupaya meningkatkan produktiviti tenaga kerja dan cekapan kerja penuaian dua kali ganda iaitu daripada 1.8 tan kepada 3.2 tan BTS bagi seorang pekerja sehari berbanding penuaian secara manual.

Menyedari potensi penggunaan CANTAS bagi mengurangkan penggunaan tenaga buruh, kerajaan menyediakan Skim Diskaun CANTAS kepada



Tan Sri Muhyiddin Yassin cuba menggunakan CANTAS sambil diperhatikan Tan Sri Bernard Dompok.

penanam sawit dan pekebun kecil dengan peruntukan berjumlah RM5.3 juta.

Bantuan sebanyak RM1,000 diberi kepada pekebun kecil bagi setiap unit CANTAS yang dibeli di samping penyediaan perkhidmatan selepas jualan bagi memudahkan penyelenggaraan CANTAS.

Sehingga akhir Mac 2013, sebanyak 1,357 permohonan diterima daripada pekebun kecil dan 1,315 permohonan dilu-

luskan dengan pembayaran berjumlah RM949,000.

Pekebun kecil sawit di seluruh negara digesa membuat permohonan segera agar tidak terlepas peluang yang disediakan kerajaan melalui MPOB.

Untuk maklumat lanjut, pekebun kecil boleh berhubung terus dengan Pegawai Tunjuk Ajar dan Nasihat Sawit (TUNAS) MPOB yang terdekat atau melayari laman sesawang MPOB di www.mpob.gov.my

Skim bantuan benih sawit berkualiti

» *Tingkat pencapaian hasil, produktiviti pekebun kecil*

Pekebun kecil sawit perlu mempunyai pengetahuan asas tentang tanaman sawit bagi memastikan mereka berupaya memperoleh produktiviti sawit yang tinggi meliputi teknik penanaman yang betul, penggunaan baja yang seimbang dan penyelenggaraan kebun sawit yang sempurna.

Selain itu, penggunaan anak benih sawit yang berkualiti juga adalah antara faktor penting bagi memastikan pencapaian hasil sawit yang tinggi.

Di bawah Skim Bantuan Anak Benih Sawit Berkualiti Untuk Pekebun Kecil (SBABB) yang dilaksanakan daripada tahun 2006 sehingga 2010 peserta skim telah dibekalkan dengan anak benih yang berkualiti dan baja serta mendapat khidmat pe-

ngembangan mengenai penanaman dan penyelenggaraan sawit daripada pegawai TUNAS MPOB.

Di bawah RMK-9, Skim Bantuan Anak Benih Berkualiti Untuk Pekebun Kecil (SBABB) telah dilaksanakan di Sabah dan Sarawak mulai tahun 2006. Bagi pekebun kecil di Semenanjung pula permohonan mula dibuka pada bulan Julai 2007.

Bagi memastikan penerima anak benih yang terbabit dapat mencapai produktiviti hasil sawit yang ditetapkan, bantuan baja diberikan mulai pertengahan tahun 2008 untuk keperluan tahun pertama dan kedua selepas menanam. Bagi penerima pada tahun 2010 bantuan baja diberi setakat keperluan tahun pertama saja.

Dibekal anak benih sawit

Peruntukan daripada RMK-9 sebanyak RM35.126 juta disediakan bagi pelaksanaan skim berkenaan yang diperoleh melalui Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) de-



Tan Sri Bernard Dompok bergambar bersama pekebun kecil yang menerima Bantuan Anak Benih Sawit Berkualiti. Turut kelihatan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May (tiga dari kiri) dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, M. Nagarajan (kanan).

ngan MPOB sebagai agensi pelaksana.

Pekebun kecil yang layak dan memenuhi syarat ditetapkan dibekalkan dengan komponen bantuan seperti anak benih sawit berkualiti dan bantuan baja.

Skim Bantuan Anak Benih Berkualiti Untuk Pekebun Kecil (SBABB) dilaksanakan dengan objektif seperti berikut;

- Meningkatkan pendapatan pekebun kecil melalui produktiviti sawit yang tinggi dengan penggunaan anak benih sawit yang berkualiti dan baja yang seimbang.

- Meningkatkan keluasan tanaman sawit pekebun kecil khususnya di negeri Sabah dan Sarawak.

Projek ini dapat dilaksanakan

dengan mencapai matlamat luas tanaman sawit yang diunjurkan iaitu 12,475 hektar kawasan berjaya ditanam dengan anak benih sawit berkualiti. Sasaran keluasan bagi pelaksanaan skim ini adalah 12,000 hektar.

Selain itu, ia juga berjaya meningkatkan keluasan tanaman sawit oleh pekebun kecil terutama di negeri Sabah dan Sarawak.

Komitmen pekebun kecil

Jumlah pekebun kecil terbanyak adalah daripada negeri Sarawak seramai 3,228 (57%) dengan keluasan 6,777.57 hektar (54 peratus) diikuti Sabah berjumlah 1,716 orang (30 peratus) seluas 4,521.58 hektar (36 peratus) dan Semenanjung seramai 753 orang pekebun kecil (13 peratus) dengan

jumlah keluasan 1,176.71 hektar (9 peratus).

Skim berkenaan memberi faedah kepada seramai 5,697 orang pekebun kecil terutama di Sabah dan Sarawak.

Dalam pelaksanaan skim ini, pekebun kecil terbabit secara langsung dan memberi komitmen yang tinggi termasuk menyediakan perbelanjaan sendiri dalam membangunkan tanah mereka mulai peringkat penyediaan kawasan sehingga siap menanam sawit.

Dalam hal ini pegawai TUNAS MPOB berjaya melaksanakan tanggung jawab mereka dengan baik dalam melaksana, menyelia dan memberi khidmat nasihat teknikal mengenai penanaman dan penyelenggaraan sawit.

Skim penstabilan harga minyak masak (COSS)

Oleh Noraida Omar
noraida@mpob.gov.my

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) bersama Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) melaksanakan Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS) bagi membendung kesan inflasi serta membantu golongan isi rumah berikutan kenaikan harga minyak sawit mentah.

Skim yang diaktifkan sejak 1 Jun 2007 ini dilaksanakan melalui mekanisme kutipan ses daripada sektor perladangan sawit serta penetapan kuota minyak masak bersubsidi bagi memenuhi keperluan pengguna terhadap minyak masak di pasaran domestik.

Skim ini membolehkan pembayaran subsidi oleh kerajaan kepada kilang penapis minyak sawit terbabit berdasarkan kepada

perbezaan di antara harga semasa produk RBD Palm Olein dengan harga asas yang ditetapkan.

Dengan pembayaran subsidi ini, harga minyak masak di pasaran tempatan dapat dijual pada harga siling yang ditetapkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Penggunaan (KPDNKK) iaitu RM2.50 bagi setiap bungkusan plastik satu (1) kilogram manakala minyak masak di dalam botol seberat satu (1) kilogram, dua (2) kilogram dan lima (5) kilogram masing-masing pada harga RM3.30, RM6.25 dan RM13.35.

Bagi pelaksanaan skim ini, kerajaan melalui Kementerian Kewangan juga memperuntukkan subsidi minyak masak yang dianggarkan berjumlah di antara RM0.6 bilion hingga RM1.5 bilion setahun bagi membiayai skim ini.

Selaras objektif kerajaan

membantu golongan berpendapatan rendah serta meringankan beban kewangan rakyat, pelaksanaan skim ini juga dapat memastikan kenaikan harga minyak sawit mentah di pasaran tidak memberi kesan ke atas harga minyak masak bagi kegunaan isi rumah dan menstabilkan harga runcit minyak masak di bawah harga siling untuk golongan isi rumah di pasaran tempatan serta memastikan bekalan minyak masak di pasaran tempatan adalah mencukupi.

Menyedari akan permintaan minyak masak di pasaran tempatan yang dijangka akan meningkat secara mendadak terutama di musim perayaan, MPIC juga mengambil langkah proaktif membenarkan fleksibiliti maksimum sebanyak 10 peratus kuota minyak masak dibawa ke bulan hadapan bagi menampung keperluan penduduk tempatan.

Langkah yang diambil ini adalah tepat, seiring peningkatan permintaan minyak masak pada satu-satu masa di samping mengelakkan situasi kekurangan bekalan minyak masak di pasaran tempatan.

Pembiayaan subsidi bagi skim ini juga menunjukkan keprihatinan kerajaan di dalam membantu golongan berpendapatan rendah di samping meringankan kos sara hidup rakyat.

Pengumuman


MPOB

SKIM INSENTIF TANAM SEMULA SAWIT 2013 (SITS 2013)

OBJEKTIF

- Bagi menggalakkan penanaman pokok sawit tua dan menanam semula dengan anak benih yang berkualiti. Walau bagaimanapun, insentif ini hanya untuk membilau kos penanaman.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- Warganegara Malaysia atau syarikat berdaftar di Malaysia.
- Pemohon adalah terdiri daripada:
 - Pemilik ladang sawit yang mempunyai keluasan melebihi 40.47 hektar;
 - Pribadi kecil di bawah skema FELDA; atau
 - Pemilik kawasan tanaman sawit yang kurang dari 40.47 hektar dan berstatus syarikat.
- Memiliki lesen Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) yang masih sah pada tarikh permohonan.
- Pemohonan dibuka mulai 1 Januari 2013, berdasarkan kepada first come first serve basis berdasarkan tarikh selesai penanaman kesesuaian keluasan yang dipohon sehingga penutupan habis dibelanjakan. Kawasan hendaklah dibebaskan antara 1 Januari 2013 hingga 31 Disember 2013.
- Had maksimum insentif adalah sehingga 202.35 hektar bagi setiap permohonan/pemegang lesen MPOB dengan had kadar insentif sebanyak: RM1,000 sen hektar.
- Pokok sawit berumur 25 tahun dan ke atas.
- Hanya pemohon yang mengamalkan kaedah menebang, meracak dan menyusun pokok sawit tua layak untuk menerima insentif ini.
- Bayaran akan dibuat mengikut kelulusan barisan yang dibebaskan serta disahkan oleh MPOB.
- Jika terdapat sebarang penipuan atau pelanggaran syarat-syarat yang tertera di atas, kelayakan akan terbatal secara serta merta dan MPOB berhak menarik balik dan menuntut wang insentif yang dibayar.

LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (MPOB)
BERKUALITI TANAMAN BERKUALITI DAN BERKUALITI
KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
MPOB
Membantu: (www.mpo.gov.my)

Tanam Semula dan Tanam Baharu Sawit Pekebun Kecil

- Peruntukan RM902 juta disediakan untuk tahun 2011 - 2013
- Insentif berjumlah RM9,000 sehektar bagi pekebun kecil di Sabah dan Sarawak
- Insentif berjumlah RM7,500 sehektar bagi pekebun kecil di Semenanjung Malaysia
- Bantuan Penyelenggaraan Kebun (BPK) sebanyak RM500 sebulan selama dua tahun

Dana Pensijilan RSPO

Dana RM50 juta diperuntukkan kepada pekebun kecil persendirian untuk pelaksanaan pensijilan RSPO

Pusat Tunjuk Ajar dan Nasihat Sawit (TUNAS)

- 39 pejabat TUNAS dibuka di seluruh negara
- 240 Pegawai TUNAS dilantik



Koperasi Penanam Sawit Mampan

- 23 koperasi ditubuhkan di seluruh negara
- 43,000 pekebun kecil terlibat
- 172,000 hektar keluasan tanaman sawit

Skim Diskaun Cantas (SKIDIC)

- Peruntukan RM5.3 juta disediakan
- Diskaun RM1,000 bagi setiap unit Cantas
- 1,315 permohonan diluluskan dengan pembayaran berjumlah RM949,000

Cantas

- Sasaran 1,500 unit Cantas
- Pencapaian 1,527 unit Cantas digunakan oleh pekebun kecil dan syarikat perdagangan
- Penggunaan 4,683 unit Diamond Sharpening Tool



Menerajui Transformasi Industri Sawit

NKEA Sawit

- Pendapatan industri sawit disasar mencapai RM178 bilion pada tahun 2020
- Lapan Projek Permulaan (EPP) untuk memacu pertumbuhan Industri sawit dibahagi kepada dua teras strategik.

- Teras Pertama bertujuan memastikan kemampunan dan membantu meningkatkan hasil buah tandan segar.
- Teras strategik kedua bertujuan memaksimumkan integrasi di sepanjang rantai nilai dengan matlamat membangunkan industri bernilai tinggi.

Lima EPP di bawah teras sektor hulu:

- o EPP 1: Mempercepatkan penanaman semula dan penanaman baharu sawit
- o EPP 2: Meningkatkan hasil buah tandan segar
- o EPP 3: Meningkatkan produktiviti pekerja
- o EPP 4: Meningkatkan kadar pengekstrakan minyak
- o EPP 5: Membangunkan kemudahan biogas di kilang minyak sawit

Tiga EPP di bawah matlamat ini:

- o EPP 6: Membangunkan bahan terbitan oleo dan bahan kimia berasaskan bio bernilai tinggi
- o EPP 7: Pengkomersialan biobahan api generasi kedua
- o EPP 8: Mempercepatkan pertumbuhan produk makanan dan kesihatan segmen hiliran



Bantuan kepada Pekebun Kecil

- Dilaksanakan pada 2006 hingga 2010
- Peruntukan RM48.5 juta disediakan di bawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK9) meliputi:
 - o Bantuan Anak Benih Sawit Berkualiti (RM31.6 juta)
 - o Bantuan Integrasi Tanaman dan Ternakan dengan sawit (RM16.9 juta)



Pakej Ransangan Ekonomi Kedua (PRE2)

- Berkuatkuasa mulai 1 Mac 2009 hingga 31 Disember 2010
- Peruntukan sebanyak RM128,214 juta disediakan untuk pekebun kecil persendirian membiayai kos menanam semula pokok sawit
- Insentif berjumlah RM6,000 sehektar



Pembangunan Kemudahan Biogas

- 57 kilang biogas telah dibangunkan di seluruh negara
- 15 kilang sedang membangunkan kemudahan biogas
- 149 kilang dalam peringkat perancangan

Membangunkan Bahan Bernilai Tinggi

- Pembangunan dan peralihan kepada produk nilai tambah yang lebih tinggi daripada asas oleokimia sawit kepada bahan terbitan oleo dan bahan kimia berasaskan bio
- 8 syarikat utama mengumumkan rancangan peningkatan pelaburan
- Jumlah pelaburan RM1.36 bilion



Kursus Operator Mekanisasi Ladang

- Melatih bella tempatan sebagai pekerja mahir sektor perladangan
- 847 peserta telah dilatih sejak ditubuhkan pada Julai 2006



Bayaran SITS Luar Tempoh Pelaksanaan

- Dibayar kepada peneroka Felda dan pekebun kecil persendirian
- Dana berjumlah RM140 juta
- Bayaran Rayuan SITS 2003 hingga 2008
 - o Keluasan kawasan ditebang 91,522 hektar
 - o 145 skim Felda
 - o Jumlah peneroka 26,692 orang
 - o Jumlah bayaran diluluskan sebanyak RM72.336 juta

- Bayaran Rayuan SITS 2011 hingga 2012
 - o Keluasan kawasan terlibat 32,277 hektar
 - o 63 skim Felda terlibat
 - o Jumlah peneroka terlibat 8,539 orang
 - o Jumlah bayaran yang diluluskan sebanyak RM32.277 juta

Skim Insentif Tanam Semula (SITS)

- SITS 2008**
- Berkuatkuasa mulai 1 Disember 2008 hingga 31 Disember 2010
 - Dana berjumlah RM200 juta diperuntukkan
 - Insentif RM1,000 sehektar
 - Seluas 162,434 hektar ditebang dengan bayaran berjumlah RM162.434 juta

- SITS 2013**
- Berkuatkuasa mulai 1 Januari 2013 hingga 31 Disember 2013
 - Peruntukan berjumlah RM100 juta
 - Insentif sebanyak RM1,000 sehektar

Seminar Pemindahan Teknologi

- Seminar tahunan MPOB bagi memperkenalkan teknologi baharu
- 527 teknologi telah dilancarkan
- 162 teknologi telah dikomersialkan (30.7%)
- Menjana nilai pasaran RM2.5 bilion



- Langkah bagi meningkatkan daya saing industri sawit**
- Penstrukturan semula cukai minyak sawit mentah berkuat kuasa 1 Januari 2013
 - Penstrukturan semula cukai daripada 23% kepada 4.5% - 8.5%
 - Penghapusan kuota eksport minyak sawit mentah bebas cukai

Pelancaran Penggunaan Adunan Biobahan Api Sawit dan Diesel Petroleum

- Biodiesel B5**
- Biodiesel B5 ialah adunan 5% biodiesel sawit bersama 95% diesel petroleum.
 - Dilaksanakan di Wilayah Tengah Semenanjung Malaysia meliputi Putrajaya, Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka
 - 1,150 stesen minyak (Petronas, Shell, Chevron, Petron dan BHP)
 - Turut diperluas kepada sektor perikanan



- Biodiesel B10**
- Untuk kegunaan kenderaan milik Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan agensi di bawahnya.

INAR PEMINDAHAN TEKNOLOGI SAHAAN KECIL DAN SEDERHA

Industri Sawit: Menjana Ekonomi... Isnin, 27 Februari 2012

56 tapak semaian terima sijil CoPN

» Biji benih berkualiti komponen penting pengeluaran sawit

Oleh Noor Asmawati
Abdul Samad
watie@mob.gov.my

■ Kelana Jaya

Sejumlah 23 ahli Persatuan Tapak Semaian Sawit Malaysia (MOPNA) adalah antara 56 tapak semaian yang telah memperoleh pensijilan Code of Good Nursery Practices for Oil Palm Nurseries (CoPN) yang telah dikuatkuasakan oleh MPOB bermula Julai 2012 sebagai syarat lesen bagi tapak semaian untuk memastikan bekalan anak benih sawit berkualiti.

Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May berkata demikian ketika berucap merasmikan Mesyuarat Agong MOPNA, di sini, baru-baru ini.

Menurutnya, dalam menguatkuasa syarat-syarat pelesenan, pengusaha tapak semaian telah diberi tempoh bertenang selama enam bulan sehingga 31 Disember 2012.

"Saya berharap semua ahli MOPNA memperoleh pensijilan CoPN bagi memastikan penggunaan bahan tanaman yang tulen dan bermutu tinggi," katanya.

Katanya, impak pensijilan CoPN ialah peningkatan produktiviti dan kualiti buah tandan segar dan sumbangan yang lebih besar ke arah peningkatan daya saing industri sawit negara.

Buah sawit berkualiti

Penggunaan benih sawit berkualiti adalah komponen penting dalam memastikan pengeluaran hasil buah sawit yang tinggi dan bermutu.

"Peningkatan produktiviti buah tandan segar akan menyumbang kepada peningkatan pengeluaran minyak sawit dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan pendapatan industri termasuk sektor pekebun kecil," katanya.

Katanya, pencapaian purata kebangsaan pengeluaran hasil buah tandan segar pada tahun 2012 ialah 18.89 tan sehektar. Purata hasil buah tandan segar sektor pekebun kecil berada pada tahap 13 hingga 14 tan sehektar berbanding pencapaian sektor estet antara 18 hingga 25 tan sehektar setahun.

"Ini menunjukkan terdapat jurang hasil atau 'yield gap' antara sektor pekebun kecil dan estet," katanya.



Datuk Dr Choo Yuen May ketika berucap merasmikan Mesyuarat Agong Tahunan MOPNA.

Menurutnya, bagi menangani isu produktiviti industri sawit, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) dan MPOB mengambil langkah peningkatan produktiviti di sektor hulu melalui pelaksanaan projek permulaan di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) sawit.

"Pelaksanaan projek permulaan NKEA sawit bagi mempercepatkan penanaman semula pokok sawit dan mempertingkatkan hasil buah tandan segar membolehkan penggunaan anak benih sawit bermutu dan amalan pertanian baik bagi peningkatan produktiviti sektor hulu dan pembangunan

mampam industri sawit negara.

Dalam konteks penanaman semula dan penanaman baharu sawit, pengusaha tapak semaian berperanan penting memastikan anak benih sawit yang dibekalkan kepada penanam dan pekebun kecil adalah berkualiti tinggi.

KURSUS PENGENALAN OLEOKIMIA (ICOC) 2013 TEKNOLOGI PEMBUATAN SABUN

13 - 14 Mei 2013

Ibu Pejabat MPOB, Bangi, Selangor

SIAPA YANG PERLU HADIR

KURSUS INI DICADANGKAN UNTUK:

- Individu yang ingin berusaha untuk memperluaskan pengetahuan mereka dalam bidang teknologi pembuatan sabun
- Usahawan yang ingin mencari atau menambah pengetahuan dan peluang perniagaan dalam pembuatan sabun

OBJEKTIF

- Untuk memberikan pengetahuan mengenai teknologi pembuatan sabun kepada peserta.
- Untuk meningkatkan kesedaran tentang pentingnya kualiti bahan asas sabun
- Untuk mewujudkan peluang perniagaan produk sabun di kalangan PKS
- Untuk berkongsi penemuan dan penyelidikan dan pembangunan yang dijalankan di MPOB dalam kegunaan minyak sawit dalam sektor bukan makanan.

Kandungan Kursus

1. Kandungan dan Spesifikasi Sabun
2. Analisis Sabun
3. Pewangi untuk Sabun
4. Jenis sabun: Sabun buku/tegap, lutsinar dan detergen
5. Teknologi dan Pembuatan Sabun
6. Strategi pasaran dan hala tuju sabun
7. Lawatan ke makmal dan laji rintis sabun
8. Demonstrasi pembuatan sabun buku/tegap dan sabun lutsinar

METODOLOGI

1. Ceramah
2. Perbincangan
3. Lawatan AOTD/demonstrasi

BORANG PENDAFTARAN

Pemohon hendaklah mengisi borang permohonan yang boleh didapati di laman web MPOB www.mpob.gov.my.

Yuran Pendaftaran

RM 600.00

PERTANYAAN

Untuk keterangan lanjut sila lawati laman web kami di <http://www.mpob.gov.my>, atau hubungi Pn Salehah Bt Abdul Bob 03-87694667/ faks: 03-89257549/ email: salehah@mpob.gov.my

Malaysian Palm Oil Board (MPOB)
Ministry of Plantation Industries and Commodities
www.mpob.gov.my

Program interaksi wakil industri sawit 2013 berjaya

Oleh Yoong Jun Hao dan Nik
Aznizan Nik Ibrahim

jhyoong@mpob.gov.my
aznizan@mpob.gov.my

Bangi: MPOB menerusi Unit Khidmat Nasihat Teknikal (TAS) menganjurkan program 'MPOB TAS Interaction with Members of the Malaysian Palm Oil Industry' dihadiri Pengurus-Pengurus Serantau MPOB di luar negara yang berada di Malaysia sempena Programme Advisory Committee (PAC) yang diadakan setiap tahun.

Seramai 103 peserta industri termasuk 69 peserta mewakili industri sawit Malaysia menghadiri program interaksi berkenaan. Program interaksi yang dianjurkan menarik perhatian wakil industri yang membincangkan isu-isu mengenai pasaran minyak sawit terutamanya di Eropah, Amerika Syarikat, Australia dan China.

Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May ketika berucap merasmikan program tersebut menegaskan tahun 2012 adalah tahun yang penuh cabaran bagi



Datuk Dr Choo Yuen May ketika mengikuti pembentangan kertas kerja dalam program interaksi dengan wakil industri sawit Malaysia. Turut serta Timbalan Ketua Pengarah (R&D), Dr Ahmad Kushairi Din (kiri), Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan), Ahmad Sidek Stroo (kanan).

industri sawit Malaysia yang berhadapan dengan cabaran dan isu seperti 'Nutella Tax' dan pelaburan tanpa minyak sawit di Perancis, isu lemak tepu di Australia, cukai pengimportan minyak sawit mentah di India, dan pelaksanaan dan penguatkuasaan ketat oleh Kerajaan negara China ke atas pengimportan minyak makan.

Katanya isu-isu ini dapat ditangani dengan jalinan kerjasama yang kukuh di antara pihak

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), MPOB, MPOC dan industri sawit Malaysia sebagai pembekal minyak sawit berkualiti dunia.

Datuk Dr Choo turut memengerusikan program interaksi yang dibahagikan kepada dua sesi. Lapan kertas kerja dibentangkan yang menyentuh mengenai potensi pasaran, cabaran serta isu-isu semasa minyak sawit meliputi lapan rantau pasaran minyak sawit Malaysia.

MPOB, UKM bentang isu alam sekitar

» Sesi kedua bincang bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar

Oleh Nurul Aishah Musa
nurul.aishah.musa@mpob.gov.my

Bangi:

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bekerjasama menganjurkan pembentangan oleh Prof Dr Arthur PJ Mol di sini, baru-baru ini.

Prof Arthur PJ Mol adalah penyarah dari University Wageningen, Netherland yang merupakan pakar dalam bidang Sains Sosial dan Polisi Alam Sekitar.

Pembentangan berkenaan adalah lanjutan siri pembentangan bertajuk "The Lost Innocence of Transparency in Sustainability Politics" yang disampaikan beliau di UKM sehari sebelumnya.

Sesi pembentangan pertama yang bertajuk "Globalization and Shift in Environmental Authorities" membincangkan tentang jatuh bangun kedudukan bidang kuasa jabatan alam sekitar negeri dari tahun 1960 sehingga selepas

tahun 2000.

Hal ini mengakibatkan perubahan ketara disebabkan oleh rangsangan baru kepada agenda alam sekitar dunia.

Globalisasi turut memberi peluang kepada syarikat swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) untuk campur tangan dalam bidang alam sekitar sekali gus mengurangkan kuasa jabatan alam sekitar negeri.

Impak globalisasi

Kemunculan agensi swasta ini dalam isu alam sekitar bukan hanya memberi kesan negatif kepada penurunan kuasa jabatan alam sekitar negeri tetapi juga harus dilihat dalam perspektif positif kerana globalisasi memberi impak besar kepada pencemaran alam sekitar dunia, contohnya pencemaran sulfur dioksida (SO₂) dalam industri perkapalan dunia yang mengakibatkan pencemaran udara yang tinggi.

FAKTA NOMBOR

70 orang

peserta persidangan dari UKM, MPOB dan MPIC

Bagaimanapun, perubahan campur tangan ini memberi penghasilan atau proses kepelbagaian dalam bentuk perkongsian pandangan dan idea bagi menangani masalah melalui konteks yang berbeza, dengan kepakaran dua pihak dalam bidang berbeza.

Bagi sesi pembentangan ke dua bertajuk 'Publication in High Impact Journals' dipengerusikan oleh Prof Dr Hamid Jaafar dari UKM. Perbincangan ini merangkumi aspek kepentingan penerbitan sesuatu hasil penyelidikan dalam bentuk jurnal artikel, jenis-jenis jurnal artikel yang berkualiti, proses penerbitan jurnal artikel dan prosedur penerbitan jurnal artikel.

Sumbangan dalam penyelidikan

Penerbitan jurnal penting kerana ia memberi sumbangan dalam bidang penyelidikan, perkongsian penemuan dan pendapat dalam penemuan hasil kajian sama ada di kalangan penyelidik atau masyarakat luar.

Selain itu, ia dapat memantapkan kualiti penulisan penyelidik dan menambahkan rekod kualiti kajian dalam bidang kajian saintifik sedia ada.

Tambahnya, ciri-ciri yang perlu ada dalam penerbitan jurnal artikel termasuk dapat memberi penemuan baru dalam bidang penyelidikan yang sebelumnya

melalui penggunaan teori terbaru, penghasilan data baru dan hasil kajiannya memberi pemahaman yang luas kepada pembaca artikel tersebut.

Sesi pembentangan berkenaan dihadiri lebih 70 peserta dari

UKM, MPOB dan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC). Turut hadir ialah Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat UKM, Prof Dr Sharan Kaur Gill.

MPOB lancar stokis CANTAS Wilayah Utara

Oleh Dr Zainon Mat Sharif dan Sheilyza Mohd Ishak
zainon@mpob.gov.my
sheilyza@mpob.gov.my

Teluk Intan: MPOB melancarkan stokis CANTAS yang pertama di Wilayah Utara sempena Program Jom Guna CANTAS (JGC) yang di adakan Plot Demonstrasi MPOB, di sini, baru-baru ini.

Lebih 150 peserta terdiri daripada pekebun kecil dan peniaga buah sawit menghadiri program berkenaan yang dilancarkan oleh Ketua MPOB Wilayah Utara, Mazlan Mustapha.

Program Jom Guna CANTAS adalah inisiatif MPOB untuk meningkatkan kesedaran terhadap penggunaan CANTAS iaitu alat pemotong sawit bermotor di kalangan penanam dan penuai buah sawit.

Peluang beli CANTAS

Peserta JGC berpeluang membeli

CANTAS secara tunai dan bawa pulang (cash and carry) dan mendapatkan Skim Diskaun CANTAS (SKIDIC) yang menyediakan diskaun RM1000 bagi setiap unit CANTAS yang dibeli.

Penggunaan CANTAS bertujuan menangani masalah kekurangan tenaga buruh di ladang sawit serta dapat membantu pekebun kecil meningkatkan produktiviti dan pendapatan.

Stokis CANTAS di Wilayah Utara iaitu Tan Yoo Soo juga diperkenalkan pada majlis tersebut. Ketiga-tiga pembekal CANTAS terdiri dari Jariz Technologies, Fancy Power Sdn Bhd dan NAFAS Jentera Sdn Bhd menyertai program JGC berkenaan.

MPOB juga menyediakan kaunter dan khidmat nasihat untuk skim bantuan SKIDIC, Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK), Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK) dan Skim Insentif Tanam Semula Sawit (SITS).

Selain itu, Bahagian Pelesenan

dan Penguatkuasaan menyediakan khidmat nasihat dan kaunter pelesenan kepada pekebun kecil yang masih belum mempunyai lesen sawit.


Agro Bank Teluk Intan dan CCM Fertilizers turut mengadakan pameran baja MPOB F2 dan perkhidmatan kredit kepada pekebun kecil.

Program promosi penggunaan CANTAS dilaksana ke seluruh negara dan sasaran tahun ini adalah untuk melancarkan lagi sekurang-kurangnya lima stokis CANTAS. Sebanyak lima stokis CANTAS telah ditubuhkan di seluruh negara.

FAKTA NOMBOR

RM1,000

Diskaun beli CANTAS



MPOB TRANSFER OF TECHNOLOGY SEMINAR 2013 (TOT 2013)

THURSDAY, 20 JUNE 2013
MPOB HEAD OFFICE BANGI, SELANGOR

ANNOUNCEMENT

What is Transfer of Technology (ToT)?

It is the transfer of new technologies from the bench to the market place. It is an annual event and has resulted in many success stories. It contributes towards energizing the industry with new innovations and creates revenue generating opportunities in the palm oil industry. MPOB is the pioneer in this business concept locally.

This TOT Seminar provide a platform for participants to:

- Find out about MPOB's latest research outputs for commercialization
- Explore new business opportunities based on R&D findings
- Network with palm oil industry players for future collaborative ventures
- Interact with MPOB inventors and scientists
- Adopt new MPOB products, services and technologies for use in their businesses
- Take up new challenge to be a successful entrepreneur
- Be part of Malaysia's lucrative palm oil industry

Who should participate?

- Venture capitalists
- Corporate entrepreneurs
- Small and medium scale entrepreneurs (SMEs)
- Planters/agriculturists
- Engineering professionals
- R&D personnel/scientists
- Food technologies/chemists
- Millers/traders/processors
- Manufacturers
- Anyone associated with the palm oil/palm industry

Event Highlights

- A comprehensive exhibition of MPOB products, services and technologies
- Interactive sessions with inventors
- Presentations by MPOB researchers
- Complete seminar package inclusive of materials, lunch and refreshment (All these for only RM 50.00)

Registration

Don't miss this great opportunity! Confirm your attendance by mailing the completed Registration Form together with full payment to:

Director-General
Malaysian Palm Oil Board (MPOB)
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi
43000 Kajang, Selangor
(Attn: Head of Unit, HRD & Conference Management Unit)
Closing date: 20 June 2013

Enquiries
Registration Enquiries:
HRD & Conference Management Unit,
MPOB
• **Rubaah Masri** Tel: 03-87694567
E-mail: rubaah@mpob.gov.my
• **Salmah Hussin** Tel: 03-87694073
E-mail: salmah@mpob.gov.my
Fax: 03-89257349 (B922-1743)

Technical Enquiries
Corporate Implementation & Consultancy Unit, MPOB
• **Mohd Afi Simeh** Tel: 03-87694374
• **Suzana Mahmud** Tel: 03-87694579
• **Jalaludin Omar** Tel: 03-87694882
E-mail: cic@mpob.gov.my Fax: 03-89254377

Note: This seminar is open to Malaysian companies and citizens only.

REGISTRATION FORM

MPOB Transfer of Technology Seminar 2013 (20 June 2013)

Please confirm your attendance together with payment to
Malaysian Palm Oil Board by 13 June 2013

To: Director-General
Malaysian Palm Oil Board (MPOB)
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi
43000 Kajang, Selangor
(Attn: Head of Unit, HRD & Conference Management Unit)
Tel: 03-8769 4567 Fax: 03-8925 7349

- Payment of RM50.00 to "Malaysian Palm Oil Board" is enclosed (Cheque No: _____)
- Please invoice my organization
Attached with this Registration Form is Local Order to guarantee payment from my organization.

PLEASE REGISTER:

Name: _____ Designation: _____

MyKad No: _____

Organization/Company: _____

Postal Address: _____

Postcode: _____ State: _____

Tel: _____ Fax: _____

E-mail: _____

Signature: _____ Date: _____

Anti-minyak sawit tak masuk akal

» Kempen halang pengeluaran kurang justifikasi

Minyak sawit adalah minyak sayuran yang paling laris di dunia dengan jumlah penggunaan sebanyak 50 juta tan setahun. Ini merangkumi kira-kira 28 peratus pasaran keseluruhan minyak sayuran dan lemak dunia. 75 peratus daripada jumlah penggunaan minyak sawit dicatatkan di negara membangun manakala bakinya digunakan di negara maju.

Minyak sawit adalah minyak sayuran yang paling popular berikutan harga pasarnya yang berpatutan dan bekalannya yang konsisten sepanjang tahun. Ia juga satu-satunya minyak sayuran yang mempunyai lebih bersih pengeluaran yang ketara.

Minyak sawit juga adalah satu-satunya minyak sayuran di dunia yang diiktiraf sebagai mampan. Walaupun ia mendominasi pengeluaran dan eksport minyak sayuran dan lemak dunia, sawit hanya merangkumi kira-kira 5 peratus daripada jumlah keseluruhan tanah pertanian dunia diusahakan untuk tanaman minyak sayur-sayuran.

Desakan pemproses minyak sayur-sayuran dan NGO alam sekitar supaya minyak sawit mampan saja boleh digunakan adalah tidak masuk akal kerana ia mengecualikan minyak sayur-sayuran lain terutama minyak kacang soya, minyak bunga matahari dan minyak biji sesawi.

Malah, tiada di antara minyak sayur-sayuran ini boleh diiktiraf sebagai mampan kerana kebanyakannya melalui proses perubahan genetik. Keupayaan sawit menghasilkan minyak sayuran mampan untuk memenuhi permintaan di Kesatuan Eropah, Australia dan Amerika Syarikat adalah faktor yang mendorong penerimaan minyak sawit di pasaran global.

Prestasi pasaran minyak sawit yang memberangsangkan juga mempunyai masalah tersendiri. Australia, Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah mengambil langkah tertentu bertujuan melindungi kepentingan minyak sayur-sayuran mereka daripada persaingan minyak sawit.

NGO tempatan

NGO alam sekitar di negara ini juga melancarkan kempen anti minyak sawit. Malah, ada di antara mereka menerima sumbangan kewangan daripada kerajaan sehingga 70 peratus daripada jumlah kos operasi masing-masing.

Negara ini juga bercita-cita menggunakan sejumlah besar hasil pengeluaran minyak sayuran mereka sebagai biodiesel di mana langkah tertentu juga di-



ambil untuk menghalang penyeritaan minyak sawit di pasaran biodiesel mereka.

Petani tempatan juga berjaya mendesak kerajaan mereka meluluskan dasar yang membolehkan mereka menerima subsidi biodiesel atau pengecualian cukai bahan api, tetapi tidak untuk petani sawit.

Dasar perlindungan ini memberi kesan kepada perdagangan dunia. Negara ini dilihat melanggar Perjanjian Pertubuhan Perdagangan Dunia kerana mendiskriminasi minyak sawit yang dianggap sebagai produk yang 'serupa' untuk digunakan sebagai biodiesel.

Dengan menggunakan NGO untuk menghalang import minyak sawit, maklumat yang salah mengenai sawit disebarkan tanpa fakta yang betul lalu menjejaskan pasaran minyak sawit.

Kempen anti minyak sawit juga tidak mempunyai justifikasi yang kukuh. Minyak sawit adalah produk pertanian negara tropika di mana pokoknya tidak boleh hidup di negara barat. Begitu juga dengan hutan hujan dan orang utan yang secara semula jadinya tidak terdapat di negara barat walaupun NGO di sana mendakwa mereka menjuarai perjuangan mempertahankan hutan hujan dan orang utan.

Hakikatnya, NGO asing bukanlah penjaga hutan hujan dan orang utan. Sebaliknya, mereka hanya ingin mengambil kesempatan daripada isu kemusnahan hutan hujan dan orang utan untuk mengumpul dana memperkayakan diri sendiri serta menerima bantuan kewangan daripada kerajaan mereka untuk melancarkan kempen menghalang import minyak sawit ke negara mereka.

Penjaga sebenar hutan hujan dan orang utan di Malaysia adalah rakyat kita sendiri. Jabatan Perhutanan dan Jabatan Hidupan Liar Malaysia sudah lama menguatkuasakan undang-undang pemuliharaan serta program tertentu untuk mengekalkan hutan dan habitat hidupan liar di negara ini.

Malah, jumlah populasi orang utan pada hari ini bukan saja stabil bahkan meningkat seperti dilaporkan. Kerana usaha ini, Malaysia kini mampu memulihara 56 peratus keluasan tanahnya sebagai kawasan hutan simpan ke-

kal. Usaha ini diperkukuhkan lagi oleh komitmen kerajaan yang memastikan sekurang-kurangnya 50 peratus keluasan tanah negara kekal sebagai hutan simpan kekal.

Hari ini, Malaysia mempunyai peratusan kawasan berhutan jauh lebih tinggi berbanding negara maju di mana kempen anti minyak sawit berpusat.

Adalah tidak masuk akal bagi mereka mengkritik dasar pembangunan atau penanaman sawit di Malaysia kerana jumlah kawasan berhutan di Malaysia lebih daripada mencukupi untuk memulihara biokepelbagaian dan habitat hidupan liar.

Malah, peratusan penggunaan tanah untuk tujuan pertanian di mana sawit adalah tanaman pertanian yang utama di Malaysia adalah jauh lebih kecil berbanding peratusan tanah yang digunakan untuk pertanian di Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah atau Australia.

Tanaman sawit hanya meliputi 15 peratus daripada keluasan tanah Malaysia yang keseluruhannya hanya 24 peratus digunakan untuk pertanian berbanding di United Kingdom, Greece, Amerika Syarikat dan Australia di mana peratusan penggunaan tanah untuk tujuan pertanian adalah jauh lebih tinggi iaitu masing-masing pada 72 peratus, 63.6 peratus, 44 peratus dan 53.2 peratus.

Di mana logiknya bagi ahli politik Perancis dan Greece untuk terus memperbahaskan isu pembasmian hutan Malaysia di Parlimen Kesatuan Eropah sedangkan hanya peratusan kecil keluasan tanah Malaysia digunakan untuk mengusahakan sawit?

Guna pelbagai taktik

NGO juga menggunakan pelbagai taktik di dalam kempen mereka termasuk menggunakan ahli politik yang pro-alam sekitar untuk mengusulkan draf undang-undang yang mendiskriminasi minyak sawit seperti yang dilakukan di Australia dan Perancis baru-baru ini.

Di Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah, dasar kerajaan mengenai bahan api bio yang menyekat penggunaan minyak sawit adalah berpunca daripada tekanan daripada NGO.

Kriteria kelayakan penggunaan minyak sayuran dan lemak tempatan dirumuskan secara bijak dan terancang melalui kaedah pengiraan yang tidak telus di mana minyak sawit didapati sukar untuk memenuhi kriteria ini lalu tidak boleh digunakan dalam pasaran biodiesel tempatan.

Malah, kriteria yang meragukan juga diterima pakai untuk menyokong merit saintifik kempen anti minyak sawit.

Minyak sawit sebagai sumber bahan api bio terbukti berupaya menyerap 10 kali ganda lebih ba-

nyak gas rumah hijau. Adalah tidak masuk akal apabila sumber lain yang kurang cekap serta menggunakan jumlah kawasan penanaman yang lebih besar seperti minyak kacang soya diberikan kelayakan untuk dijadikan biodiesel.

Pendek kata, minyak sawit yang boleh menggerakkan kereta Volkswagen Polo sehingga 200,000 kilometer daripada hasil satu hektar ladang dalam setahun tidak digunakan sebagai sumber biodiesel di negara maju.

Sebaliknya, minyak kacang soya yang hanya mampu menggerakkan kereta yang sama sehingga 8,000 kilometer saja daripada hasil satu hektar ladang dalam setahun digunakan!

Kempen serupa yang tidak masuk akal juga dilakukan oleh kumpulan tekanan yang menentang penggunaan minyak sawit dalam makanan seperti yang berlaku di dalam perbahasan cukai 'Nutella' di Perancis serta cadangan Pelabelan di Australia.

Punca sakit jantung

Dengan mengaitkan faktor ugutan bahawa pengambilan asid lemak tepu akan menyebabkan penyakit jantung, kumpulan ini berusaha mengaitkan minyak sawit sebagai sumber asid lemak tepu dan tidak sihat untuk dimakan. Apa yang menghairankan ialah tiada langsung pertimbangan diberikan kepada hakikat bahawa asid lemak tepu paling banyak didapati di dalam daging, susu, keju dan mentega yang merupakan menu uta-

ma makanan mereka.

Natijahnya, negara di mana NONGnya sangat aktif berkempen menentang minyak sawit ini sendiri tidak mempunyai bekalan minyak sayuran dan lemak yang mencukupi. Walaupun dikecam oleh NGO, import minyak sawit ke Kesatuan Eropah terus meningkat sebanyak 12 peratus pada 2012 manakala Amerika Syarikat terus mengimport lebih daripada 1 juta tan minyak sawit Malaysia setiap tahun.

Minyak sawit diperlukan untuk membantu negara berkenaan mengurangkan pengambilan asid lemak trans yang diakui pakar pemakanan mereka membahayakan kesihatan, manakala penggunaan minyak sawit sebagai biodiesel dan bahan makanan memberi sekurang-kurangnya 30 peratus penjimatan kerana harganya yang murah.

Minyak sawit seolah-olah memberi manfaat bukan saja kepada negara pengeluar sebagai sumber pendapatan yang lumayan tetapi juga kepada negara-negara pengimport yang berusaha meningkatkan taraf kesihatan penduduknya, mengurangkan eksploitasi tanah dan memerangi inflasi.

(Artikel ini disunting daripada artikel asal Ketua Eksekutif Majlis Minyak Sawit Malaysia, Tan Sri Dr Yusof Basiron, yang bertajuk, **Unjustified and Illogical Campaigns against Palm Oil**. Layari www.ceopalmoil.com untuk mendapatkan salinan asal)

Minyak sawit punyai pelbagai keistimewaan

Tanaman sawit umpama emas yang bernilai dan menjana keuntungan signifikan kepada tulang belakang ekonomi negara. Pokok sawit tergolong dalam famili palma ini mencapai usia produktif sehingga 25 tahun mempunyai pelbagai keistimewaan merangkumi industri makanan, kesihatan bahan api bio, alam sekitar dan sebagainya. Malaysia dan Indonesia masih peneraju utama membekalkan 85 peratus minyak sawit dunia.

Keistimewaan minyak sawit tentulah bermula kerana keunikan pokoknya iaitu kelebihan kadar penggunaan tanah kecil berbanding kawasan hutan yang harus dikorbankan untuk tanaman minyak sayuran lain. Pokoknya menyerap karbon dioksida dengan berkesan sama ada dituai atau tidak, juga membendung masalah pemanasan global. Keistimewaan inilah dicemburui oleh barat maka wajarlah kita mempromosi kebaikan minyak sawit ke tempat selayaknya.

Berkualiti tinggi
Minyak sawit Malaysia begitu istimewa kerana berkualiti tinggi hasil sistem kawalan kualiti dan penguatkuasaan ketat sepanjang rantaian pengeluarannya. Amalan mampan contohnya amalan pertanian baik (GAP) meningkatkan hasil buah tandan segar

(BTS), juga pelbagai dasar, program dan insentif dalam menjayakan Program Transformasi Ekonomi (ETP) minyak sawit oleh MPOB. Pembangunan penjenamaan menepati standard seperti memperkenalkan persijilan tiga nilai sosial iaitu keselamatan, alam sekitar dan amalan mampan meningkatkan imej minyak sawit negara berbanding negara pengeluar lain.

Berkhasiat tinggi

Analogi bermula dengan mewartakan minyak sawit sebagai sumber makanan berkhasiat tinggi dengan 80 peratus digunakan dalam industri makanan. Kandungan asid lemak minyak sawit dalam pelbagai aplikasi makanan dengan kandungan mono tak tepu tinggi di aras kedudukan SN-2 adalah

banding dengan minyak zaitun atau canola. MPOB telah merintis formulasi makanan berasaskan minyak sawit seperti lemak, vanaspati, pastri, analogi keju dan sebagainya.

Dalam industri makanan, kelebihan proses menggoreng pula terletak pada kestabilan minyak yang sentiasa baik dan berkualiti meskipun dalam suhu tinggi. Minyak sayuran cair lain pula melalui proses penghidrogenat mengakibatkan lemak trans dan memberi implikasi pada kesihatan. Ini bermakna minyak sawit

bahan pengganti yang sesuai kepada lemak terhidrogenat. Istimewanya minyak sawit olein dengan takat lebur 20 darjah celsius digunakan secara meluas pada semua jenis masakan sebagai minyak tanpa lemak trans.

Seterusnya dari aspek kesihatan, minyak sawit baik dan selamat kerana bebas bahan kimia. Minyak sawit adalah lemak ber-vitamin yang menyihatkan tubuh badan. Ia juga mengurangkan kadar kolestrol, mencegah obesiti juga komplikasi jantung berbanding minyak sayuran lain. Vitamin E mampu menyembuhkan parut dan kerengsaan kulit. Banyak produk penjagaan diri seperti sabun, serbuk cucian adalah demi kesihatan diri dan keluarga. Kajian mendapati minyak sawit dapat mengurangkan risiko penyakit kardiovaskular. Bukankah itu pencapaian terbaik dengan penggunaan minyak sawit?

Pasaran lebih luas

Keistimewaan minyak sawit hangat diperkatakan kerana faktor penariknya iaitu bandingan harga yang rendah dan lebih penjimatan berbanding minyak soya dan sesawi. Ia memberi daya saing terbaik berbanding minyak sayuran lain yang tinggi harga di kala krisis ekonomi di Eropah melanda. Negara seperti India dan kesatuan Eropah meningkatkan pengimportan minyak sawit negara. Kerajaan juga menstruktur cukai eksport minyak sawit mentah mulai Januari 2013 bagi merangsang pasaran lebih luas.

INFO

PEMENANG PERTAMA

● Firdaus Akmal Azman

● No. K/P: 981125-01 6147

● Sekolah Tinggi Muar, 84000 Muar, Johor

Peraduan mengarang esei Berita Sawit Mei 2013

Peraduan ini terbuka kepada pelajar sekolah menengah di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk diberikan di bawah:

Tajuk: "Pelbagai insentif dan bantuan disediakan untuk pekebun kecil sawit. Bincangkan".

Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit terbuka kepada semua pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5.

Tiga pemenang utama setiap bulan akan menerima;
Hadiah Pertama : RM250
Hadiah Kedua : RM200
Hadiah Ketiga : RM150

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bulan Jun 2013 akan datang.

Syarat penyertaan

● Terbuka kepada pelajar sekolah menengah tingkatan 1 hingga 5

● Panjang esei di antara 450 - 600 patah perkataan

● Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah, alamat rumah, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan sertakan sekeping gambar berukuran pasport (sekiranya ada)

● Keputusan juri adalah muktamad

● Tarikh tutup penyertaan ialah pada 21 Mei 2013

Hantarkan penyertaan ke alamat:

Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit
Ibu Pejabat MPOB
6, Persiaran Institusi,
Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor
u/p: Noor Asmawati Abdul Samad (Unit Perhubungan Awam)

Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Bulan April 2013

Pemenang:
Hadiah Pertama
Firdaus Akmal Azman
(No. K/P: 981125-01-6147)
Sek Tinggi Muar
84000 Muar, Johor

Hadiah Kedua
Nur Hidayah Yusoff
(No. K/P: 960803-03-5230)
SMK Batu Muda,
Kampung Batu Muda,
51100 Kuala Lumpur

Hadiah Ketiga
Fazuan Ammar Azman
(No. K/P: 000720-01-1307)
SMK Bandar Maharani
84000 Muar, Johor

KUIZ SAWIT

Syarat penyertaan

- Penyertaan dibuka kepada pelajar Sekolah Rendah Tahun 1 - 6
- Penyertaan hendaklah disertakan dengan borang dan ditandatangani oleh guru sekolah
- 10 pemenang yang menjawab dengan betul akan dipilih sebagai pemenang
- Sekiranya terdapat lebih 10 pemenang, Cabutan Bertuah akan dibuat oleh panel kuiz.
- Keputusan pengadil adalah muktamad
- Jawapan hendaklah sampai selewat-lewatnya pada 22 Mei 2013
- Hantarkan jawapan berserta nama penuh, no. telefon, alamat rumah dan alamat sekolah yang lengkap kepada :

Ketua Pengarang Berita Sawit

Kuiz Sawit (Siri 29)

Ibu Pejabat MPOB

6, Persiaran Institusi,

Bandar Baru Bangi,

43000 Kajang, Selangor

(UP: Noor Asmawati Abdul Samad)

Soalan Kuiz Sawit Siri 29

1. Berikut adalah komoditi yang diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), kecuali...
 Getah Kayu Kayan Petroleum
2. Berikut adalah perosak tanaman sawit, kecuali
 Ulat bungkus Kumbang badak Burung hantu
3. Kulat Ganoderma adalah penyebab penyakit reput pangkal batang pada pokok sawit
 Betul Salah
4. Apakah warna buah sawit yang masak?
 Kuning jernih Merah pekat Kuning kemerahan
5. Minyak sawit boleh menghasilkan lilin
 Betul Salah
6. Tandan kosong sawit (EFB) dan sisa buangan kilang sawit (POME) dapat menjana tenaga elektrik
 Betul Salah
7. Buah sawit boleh dituai menggunakan Pemetong Sawit Bermotor. Apakah nama mesin tersebut?
 CANTAC CANTAS Sawit Bermotor
8. Apakah yang dimaksudkan dengan CoPN?
 Kod Amalan Baik Tapak Semaian Kod Baik Tapak Semaian
 Kod Terbaik Tapak Semaian
9. Minyak sawit adalah minyak sayuran.
 Betul Salah
10. Khidmat Pegawai TUNAS disediakan khusus oleh MPOB untuk membantu golongan berikut:
 Pengusaha ladang sawit Pekebun kecil sawit
 Pengilang sawit

Borang penyertaan

Nama: _____

Tahap: _____ No tel: _____

Alamat Sekolah: _____

Alamat Rumah: _____

Nama pemenang Siri 29

- Siti Nur Zahidah Mohd Fadzil
Sek. Keb. Paroi, Seremban, Negeri Sembilan
- Fahim Al-Faqeh Saleh
Sek. Keb. Bukit Jelutong, Shah Alam, Selangor
- Ching Fei Thing
Sek. Rendah Jenis Keb. Cina Yuk Chai, Kuala Krai, Kelantan
- Muhammad Aiman Aspimiolla Rizal
Sek. Keb. Batu balai, Jerantut, Pahang
- Muhammad Fawaz Md Nor
Sek. Keb. Taman Seremban Jaya, Seremban, Negeri Sembilan
- Ali Izzidin Abu Sallehein
Sek. Rendah Agama Negeri, Shah Alam, Selangor
- Muhammad Danial Zeman M. Faizal
Sek. Keb. Rembang Panas, Juaseh, Negeri Sembilan
- Abd Hadi Mohtar
Sek. Keb. Bukit Naga, Shah Alam, Selangor
- Mohd Hakim Abd Hadi
Sek. Keb. Jalan Baharu, Parit Buntar, Perak
- Siti Nur Zaharah Mohd Fadzil
Sek. Keb. Paroi, Seremban, Negeri Sembilan



Tan Sri Bernard Dompok beramah mesra dengan peserta **Majlis Penerangan Amalan Pertanian Baik Pekebun Kecil Sawit** di Tongod, Sabah.



Datuk Dr Choo Yuen May bersama peserta kursus **Intensive Diploma in Oil Palm Management and Technology (IDOPMT) 2013**.



Puan Sri Shahrizan Abdullah, isteri Pengerusi MPOB (enam dari kanan) bergambar bersama isteri-isteri Ahli PAC yang turut serta dalam lawatan ke sekitar ibu negara. **Program lawatan diadakan sempena mesyuarat PAC MPOB.**



Datuk Hamzah Zainudin bersalaman dengan peneroka FELDA yang menerima bayaran rayuan **Skim Insentif Tanam Semula Sawit** di FELDA Ijok, Selama, Perak.



Datuk Dr Choo Yuen May bergambar bersama Ahli Jawatankuasa Penasihat Program (PAC) MPOB yang hadir ke mesyuarat tahunan bagi **membincang perancangan dan pelaksanaan projek penyelidikan MPOB.**